



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

TEKS UCAPAN PELANCARAN

YANG BERTHORMAT TUAN ANTHONY LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM TRANSFORMASI
PERKHIDMATAN BAS BERTHENTI-HENTI
BAS.MY KOTA BHARU

29 JANUARI 2026 (KHAMIS) / 9:30 PAGI
PERKARANGAN PARKIR B, STADIUM SULTAN
MUHAMMAD IV,
KOTA BHARU, KELANTAN

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

(salutasi akan dimuktamadkan)

1. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua hadirin yang sudi hadir pada pagi ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan atas kehadiran YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin Bin Haji Daud, Menteri Besar Kelantan, barisan exco negeri Kelantan, wakil-wakil rakyat negeri dan wakil kerajaan negeri ke majlis yang bermakna ini.
2. Kerajaan Negeri telah menunjukkan kerjasama yang baik dalam usaha bersama kita untuk memperkasakan pengangkutan awam di Negeri Kelantan.
3. Selain itu, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), telah merangka satu sistem bas berhenti-henti yang lebih efisien dan dinamik untuk meningkatkan mobiliti rakyat Malaysia yang terkesan dengan cabaran ekonomi dunia pada masa ini.

SBST dan ISBSF

4. Lantaran itu, maka wujud dua inisiatif utama melalui APAD. Inisiatif pertama adalah Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti *Stage Bus Service Transformation (SBST)* melalui jenama perkhidmatan “*BAS.MY*”. Inisiatif kedua adalah Dana Sokongan Sementara Bas Berhenti-henti atau *Interim Stage Bus Support Fund (ISBSF)*.
5. SBST adalah satu inisiatif oleh Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk mewujudkan satu perkhidmatan bas berhenti-henti yang efisien dan selamat. Program ini bermula di Seremban dan Kangar pada tahun 2015 dan Ipoh pada tahun 2016, sebelum mengorak langkah dengan jayanya di beberapa ibu negeri lain termasuk Kuala Terengganu, Johor Bahru, Melaka, Kota Setar, Kuching, Kota Bharu dan Kuantan. Ianya akan turut dikembangkan ke Kota Kinabalu.
6. Untuk makluman, SBST mengguna pakai *gross cost model* di mana Kerajaan akan membayar pengendali BAS.MY bagi setiap kilometer perjalanan, tertakluk kepada tahap mutu perkhidmatan mengikut piawaian yang ditetapkan Kerajaan.
7. Model ini dipilih setelah kajian mendalam ke atas kaedah sama yang telah digunakan dengan jayanya di negara-

negara seperti United Kingdom, Australia, Korea, Singapura dan India.

8. Manakala pelaksanaan ISBSF pula merupakan bantuan kewangan secara sementara kepada pengendali bas berhenti-henti yang layak bagi menanggung kerugian operasi di laluan yang tidak ekonomik. Ini bertujuan untuk memastikan kesalinghubungan pengangkutan awam ke kawasan-kawasan luar bandar boleh dikekalkan.
9. Dahulunya perkhidmatan bas di Kota Bharu dan di kawasan sekitarnya dibantu dengan dana ISBSF dengan jenama MRD atau Mutiara Rentas Desa, kini di bawah SBST atau BAS.MY Kota Bharu, kerajaan perkenalkan bas-bas baharu berwarna merah jambu yang selesa untuk pengguna.

BAS.MY Kota Bharu di bawah SBST

10. Saya ingin memaklumkan bahawa pelaksanaan BAS.MY di Kota Bharu melibatkan **16 laluan** yang merangkumi 11 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam, Majlis Daerah Bachok, Majlis Daerah Gua Musang, Majlis Daerah Ketereh, Majlis Daerah Kuala Krai, Majlis Daerah Machang, Majlis

Daerah Pasir Mas, Majlis Daerah Pasir Puteh, Majlis Daerah Tanah Merah, Majlis Daerah Tumpat dan Majlis Daerah Jeli.

11. Melalui inisiatif BAS.MY Kota Bharu ini, **sebanyak 64 buah bas** yang terdiri dari **8 buah bas EV midi, 24 buah bas mini low floor** dan **32 buah bas mini** digunakan.
12. Bagi memudahkan penumpang mengenali BAS.MY dan menarik minat pengguna pengangkutan awam sejak bangku sekolah lagi, rekabentuk bas yang ceria berwarna merah jambu diperkenalkan.
13. Kerajaan Persekutuan akan melaburkan **sebanyak RM109.30 juta bagi tempoh 5 tahun atau RM21.86 juta setahun** bagi memastikan perkhidmatan BAS.MY Kota Bharu dapat mencapai kejayaan.
14. Saya difahamkan pada suku ke-4 tahun 2025, secara puratanya sebanyak 84 ribu penumpang sebulan telah menikmati perkhidmatan BAS.MY Kota Bharu ini berbanding hanya 44 ribu sebulan bagi tempoh yang sama pada tahun 2024 sebelum adanya BAS.MY. Angka ini lebih tinggi daripada apa yang disasarkan dan saya percaya perkhidmatan ini masih mempunyai ruang untuk terus meningkat. Sebagai Menteri Pengangkutan saya memberi

cabaran kepada pengendali untuk meningkatkan lagi jumlah penumpang BAS.MY Kota Bharu.

Ciri-Ciri Baharu Bas SBST Kota Bharu

15. APAD amat prihatin berkenaan konteks tempatan dalam perancangan pengangkutan awam. Di Kota Bharu, perkhidmatan BAS.MY menggunakan bas-bas mini sesuai dengan jumlah permintaan sesuatu laluan. Bas-bas yang bersaiz kecil ini juga dapat mengurangkan kos operasi dan lebih mudah untuk dikendali.
16. Antara ciri-ciri bas yang diperkenalkan ialah bas-bas jenis *low floor*. Ini memudahkan penumpang naik dan turun bas selain mesra OKU. Bas-bas yang digunakan juga ditambah dengan ciri ciri keselamatan seperti CCTV bagi memantau keselamatan penumpang di dalam dan di luar bas. Bas-bas ini juga dilengkapi paparan LED bagi memaparkan nombor dan destinasi bas untuk rujukan penumpang.
17. Selain itu, selari dengan peredaran masa dan trend masa kini di mana orang ramai mahukan kemudahan yang cepat dan mudah, kemudahan pembayaran tambang tanpa tunai turut diperkenalkan. Pengguna boleh menggunakan sama ada kad debit/kredit atau pembayaran menggunakan e-

wallet melalui QR code. Mod-mod pembayaran ini diharapkan akan memudahkan dan menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam darat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pas Perjalanan Tanpa Had Kad 30 Hari BAS.MY

18. Selain memastikan perkhidmatan bas yang berkualiti disediakan, Kerajaan Madani juga amat prihatin terhadap kos pengangkutan awam yang ditanggung oleh rakyat. Umum tahu, **pas bulanan perjalanan tanpa had Kad 30 Hari BAS.MY** telah diperkenalkan di seluruh negara dengan harga RM50 pada bulan Ogos 2023.
19. Namun, mulai bulan November 2025 saya telah bersetuju dengan cadangan APAD untuk menurunkan harga Kad 30 hari BAS.MY ini kepada RM30. Ini bermakna pengguna hanya perlu membayar RM30 untuk perjalanan tanpa had di kesemua 16 laluan BAS.MY Kota Bharu bagi tempoh 30 hari.
20. Sebagai contoh, pengguna yang menggunakan perkhidmatan BAS.MY Kota Bharu dari Tumpat ke Kota Bharu untuk ke tempat kerja perlu membayar tambang

sebanyak RM2.60 sehala atau RM5.20 sehari. Dengan Kad 30 Hari BAS.MY, beliau hanya perlu membayar RM30 sebulan berbanding RM104 untuk 20 hari bekerja, iaitu **penjimatan sebanyak 71 peratus**. Kemudahan ini hanya terbuka kepada warganegara Malaysia sahaja.

Tambang Percuma Kad Konsesi BAS.MY

21. Selain itu, tambang percuma melalui **Kad Konsesi BAS.MY** turut diperkenalkan di BAS.MY Kota Bharu. Di bawah inisiatif ini, golongan **warga emas** berumur 60 dan ke atas, **OKU** dan **pelajar sekolah** berumur 7 sehingga 17 tahun, boleh menikmati tambang percuma apabila menggunakan perkhidmatan BAS.MY. Kemudahan ini turut diperluaskan kepada **golongan mahasiswa** universiti, politeknik, kolej komuniti dan matrikulasi. Dengan adanya inisiatif ini, pelajar-pelajar UMK, UiTM Machang dan Politeknik Besut dapat menggunakan perkhidmatan BAS.MY ini secara percuma. Seperti Kad 30 Hari BAS.MY, kemudahan ini hanya terbuka kepada warganegara Malaysia sahaja.
22. Untuk menikmati inisiatif tambang percuma ini, mereka yang layak hanya perlu berdaftar sekali sahaja dengan bayaran RM10 bagi menikmati tambang percuma ini. Pendaftaran ini

kekal selagi mana mereka tergolong dalam golongan warga emas, OKU, pelajar sekolah dan mahasiswa.

23. Bagi meningkatkan lagi kemudahan Kad Konsesi ini kepada rakyat, Kad Konsesi ini juga boleh digunakan di lain-lain lokasi BAS.MY, sebagai contoh BAS.MY Kuala Terengganu atau BAS.MY Melaka. Pengguna hanya perlu membuat pendaftaran di BAS.MY Kuala Terengganu dan BAS.MY Melaka tanpa bayaran sekiranya mendaftar dengan menggunakan Kad Konsesi yang sama iaitu Kad Konsesi yang pada asalnya didaftarkan di BAS.MY Kota Bharu.
24. Inisiatif ini selari dengan usaha berterusan kerajaan untuk memastikan akses pengangkutan awam yang lebih inklusif dan mampu milik untuk semua pelajar di negara ini.

Applikasi *Journey Planner*

25. Perkhidmatan BAS.MY Kota Bharu telah dilengkapi dengan aplikasi Perancang Perjalanan atau *Journey Planner*. Aplikasi ini dapat membantu rakyat dalam merancang perjalanan perkhidmatan bas mereka dengan mengenal

pasti laluan serta waktu perjalanan untuk ke destinasi pilihan mereka.

26. Selain itu, applikasi ini juga akan dapat mengenalpasti lokasi bas BAS.MY Kota Bharu bagi sesuatu laluan. Dengan ciri ini pengguna akan dapat mengetahui lokasi sebenar bas dan seterusnya membantu mereka dalam merancang masa menunggu mereka.
27. Dalam usaha kerajaan untuk memastikan pengguna mendapat akses kepada maklumat yang lengkap, pengendali-pengendali BAS.MY di seluruh negara telah diarahkan untuk berkongsi data GTFS-R melalui Transport API dibawah inisiatif Data Terbuka Sektor Awam Malaysia. Pada masa ini, perkhidmatan BAS.MY di semua lokasi telahpun berkongsi data GTFS-R di portal Data Terbuka Sektor Awam Malaysia yang dikendalikan oleh Jabatan Digital Negara.
28. Dengan perkongsian data ini, maka mana-mana pihak yang berminat untuk membangunkan applikasi journey planner boleh menggunakan data ini bagi applikasi mereka termasuk applikasi Journey Planner BAS.MY.

BAS.MY mobiliti

29. Satu lagi perkhidmatan tambahan kepada rakyat yang diperkenalkan oleh MOT ialah meletakkan syarat kepada pengendali BAS.MY Kota Bharu untuk menyediakan perkhidmatan pintu ke pintu secara tempahan bagi membawa penumpang mobiliti terhad seperti penumpang berkerusi roda, untuk tujuan rawatan perubatan seperti ke pusat dialisis dan klinik kesihatan atau ke mana-mana destinasi. Perkhidmatan ini akan diperkenalkan dengan kadar tambang yang berpatutan.
30. Bagi BAS.MY Kota Bharu, pihak pengendali akan menyediakan 2 buah van bagi perkhidmatan ini. Dengan sukacitanya saya ingin memaklumkan, pada hari ni, perkhidmatan BAS.MY mobiliti bagi Kota Bharu dan kawasan sekitarnya akan turut dilancarkan yang akan beroperasi mulai 1 Februari 2026.

Pemantauan dan Penalti

31. Proses tender terbuka bagi perkhidmatan BAS.MY Kota Bharu telah bermula pada tahun 2024. APAD telah berjaya menyiapkan proses penilaian dan membolehkan operasi bermula secara berfasa sejak bulan Julai 2025.

32. Saya berharap pihak pengendali yang telah dilantik iaitu Konsortium E-Mutiara Bhd akan sentiasa memastikan tahap perkhidmatan dalam keadaan cekap, selamat dan efisien.
33. Perkhidmatan BAS.MY ini akan dipantau melalui GPS dari segi Ketersediaan Perkhidmatan dan Ketepatan Masa. Sekiranya pengendali gagal menepati KPI yang ditetapkan bagi dua aspek ini, penalti akan dikenakan.

Prasarana Pengangkutan Awam

34. Bagi memastikan rakyat dapat menikmati perkhidmatan pengangkutan awam sepenuhnya, saya ingin menyeru Kerajaan Negeri untuk memperuntukkan peruntukan yang secukupnya untuk pembangunan prasarana pengangkutan yang baik kepada rakyat.
35. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memainkan peranan penting bersama dalam merangka pembangunan prasarana pengangkutan awam bagi menambah baik pengalaman pengguna atau *User Experience*. Contohnya dengan membina terminal pengangkutan awam, perhentian bas yang selesa serta menyediakan laluan pejalan kaki yang selamat kepada

pengguna. Ini antara elemen penting dalam melengkapkan ekosistem pengangkutan awam yang baik lagi tersusun serta menyeluruh.

36. Dalam perkara ini, MOT telah merangka satu **reka bentuk hentian bas** yang dicipta bagi memastikan reka bentuk hentian bas yang seragam dan konsisten dari segi rupa dan maklumat yang dipaparkan bagi semua perkhimatan bas berhenti-henti BAS.MY di seluruh negara.
37. Saya dimaklumkan, sebagai permulaan, pihak pengendali telah memasang 23 tiang hentian bas (*bus pole*) dengan reka bentuk BAS.MY di lokasi-lokasi sekitar Kota Bharu seperti di Panji, Wakaf Baru dan Kg, Cina. Perlu diingatkan di sini, walaupun reka bentuk hentian bas telah disediakan oleh MOT dan sebahagian tiang hentian bas telah dipasang oleh pengendali, **namun pembinaan dan penyediaan hentian bas (*bus stop*) masih di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan**. Pihak Berkuasa Tempatan bolehlah menggunakan reka bentuk yang disediakan sebagai templat untuk membina hentian-hentian bas ini. Saya berharap lebih banyak hentian bas akan dibina demi kemudahan rakyat menggunakan perkhidmatan bas ini.

38. MOT juga telah bekerjasama dengan pihak pengendali untuk mewujudkan **peta rangkaian** bagi semua laluan BAS.MY Kota Bharu, seperti mana yang kita dapat lihat di Lembah Klang untuk perkhidmatan rel. Pemaparan peta rangkaian ini di terminal dan perhentian bas yang dikendalikan oleh PBT akan menambahbaik lagi pengalaman pengguna perkhidmatan BAS.MY Kota Bharu, termasuk di kalangan pelancong.

Laman Web Khusus BAS.MY

39. Bagi memudahkan pengguna untuk mendapat maklumat perkhidmatan BAS.MY, satu laman sesawang rasmi BAS.MY – **bas.my** – telah dibangunkan. Laman web ini membolehkan pengguna untuk menyemak laluan dan jadual perjalanan serta lokasi utama selain maklumat produk BAS.MY seperti Kad 30 Hari dan Kad Konsesi.

40. Penambaian kepada laman web ini akan terus dilakukan seperti penjejakan bas pada masa nyata (*real time bus tracking*) agar pengalaman pengguna (*user experience*) dapat ditingkatkan

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Penutup

41. Dengan jumlah perbelanjaan yang besar oleh Kerajaan Persekutuan dan usaha Kerajaan Negeri untuk menyediakan prasarana sokongan, adalah menjadi harapan perkhidmatan BAS.MY akan menjadi pilihan rakyat. Saya amat berharap penduduk Kota Bharu dan negeri Kelantan amnya akan menjadikan BAS.MY nadi pilihan utama pengangkutan mereka untuk ke tempat kerja, kolej, sekolah dan pusat-pusat tumpuan.

42. Sekali lagi, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang hadir. Penghargaan juga diberikan kepada barisan kepimpinan dan pengurusan negeri dan pegawai-pegawai daripada MOT dalam merealisasikan perkhidmatan BAS.MY Kota Bahru.

Sekian, terima kasih.